

nona

GAYA HIDUP MASA KINI

APRIL 2005 HARGA RM9.90

EJA

RATU TELENOVELA
MASIH SENDIRI?

WARNA
PINK
SIMBOLIK
WANITA
FEMININ

RAWATAN IPL
TANPA BEDAH
WAJAH KEKAL
TEGANG & LICIN

DERITA
KANSER
USUS
LIMIT HIDUP
3 BULAN CUMA
RAMALAN

DILEMA
SEKS

WANITA TIMUR
MASIH MALU-MALU

RAMAI ISTERI
TERBELENGGU
& KELIRU

INTERAKSI
MINDA & OTAK

13 DAERAH
RANGSANGAN
SEKS

JAUH DI MATA UTUHKAH CINTA?

21 PANDUAN TINGGAL BERJAUHAN

Bertahun ibu Catriona Ross
menyulam rindu

Kali pertama
Ruby ibarat hilang kemudi

Syarifah Hamidah
segalanya demi anak-anak



ISSN 1675-0438
9 771675 043012 04
www.karangkrak.com/nona

SENTUHAN TROPIKA CETUS KENANGAN

KELUASAN ruang dan ketenangan nyata memainkan peranan penting dalam proses pembinaan banglo ini. Tampil dengan reka bentuk yang memukau dan taman tropika yang menghijau daripada celahan pagar kayu rona gelap daripada luar cukup mengagumkan. Kediaman yang terletak di pinggir persekitaran elit ini nyata menarik perhatian sesiapa jua yang melewati kawasan ini. **PUTRI ADILA MIRZA SAARI** berkesempatan menjenguk gaya kediaman pemilik untuk merakam hiasan dalamnya. Foto **MAZLAN YUNOS**

SEBAIK kaki melangkah ke dalam, ianya mengundang perasaan tenang, selesa dan lapang. Saujana taman yang menghijau memberikan panorama yang mengasyikkan. Tidak kurang dengan itu juga, sebuah kolam renang yang berkonsep *infinity* terletak di hadapan laman memberikan gambaran sebuah resort.


Reka bentuk dalaman mempraktikkan konsep yang menampilkan ruang yang luas dan lapang. Hiasan dalamnya pula diberi penataan yang menarik. Pemilik banyak menggunakan perabot

kayu dan sofa bagi memberikan gandingan yang serasi dan bergaya.

Kediaman yang berkonsep terbuka ini dibina di atas tanah berkeluasan 20,000 kaki persegi. Kedudukan yang strategik mengundang angin semula jadi ke persekitaran rumah. Pemilik merancang membina kediaman bergaya Tropika Asia 12 tahun yang lalu sementara berusaha mencari kawasan yang strategik dengan keluasan tanah yang diingini. Setelah memperolehi tanah yang dikehendaki, proses pembinaan

mengambil masa satu setengah tahun.

Semasa proses pembinaan kediaman itu pemilik berpuas hati kerana dia turut berperanan dan bertanggungjawab dalam menentukan material yang digunakan. Umpamanya memilih kemas lantai yang sesuai. Di ruang legar, lantai *terracotta* digunakan kerana permukaannya tidak licin dan selamat. Kediaman yang diilhamkan mengikut cita rasa dan gaya hidup pemilik ini dicetuskan oleh arkitek berbakat, Almaz Rahim.



Mata disambut dengan penataan yang indah sebaik melangkah kaki ke ruang legar kediaman. Kelihatan deretan bakul nyonya pemberian saudara mara dijadikan hiasan di sudut pintu



Binaan siling tinggi dicetuskan di kediaman ini bagi melengkapi gaya kediaman tropika yang bersifat terbuka




Aliran udara semula jadi mencipta keselesaan di kediaman pemilik. Pemilik yang terlalu meminati barangan antik mengabadikan kipas yang diambil dari kedai kopitiam.

Menurut pemilik, semasa berpindah 80 peratus kediaman itu telah dilengkapi dengan hiasan dalaman yang dikumpulkan sejak bertahun dan ada yang dibawa dari rumah lama. Biarpun kediaman itu telah lengkap sepenuhnya namun pemilik tidak pernah puas membeli aksesori hiasan yang unik dan antik kerana ianya menjadi minat semula jadi.

Pemilik menyukai suasana di rumahnya kerana mood berubah mengikut peredaran masa. Contohnya pada waktu pagi suasananya berbeza berbanding ketika matahari terbenam pada waktu petang. Manakala di waktu malam pula suasananya juga berubah. Faktor pencahayaan semula jadi banyak memainkan peranan mencipta *mood* di dalam rumah tersebut.



Ruang 'entertain' dikhaskan untuk tetamu yang berkunjung ke kediaman pemilik.



Ruang membaca berkonsep terbuka disediakan untuk keselesaan pemilik sekeluarga.

KOLEKSI YANG DIKUMPUL SEJAK BERTAHUN

Penggunaan perabot pula kedua-dua pasangan ini saling menyenangi perabot kayu dari Sarawak. Manakala aksesori hiasan adalah himpunan mereka kala melancong di luar negara. Pemilik banyak mengumpul artifak dari Asia dan juga barangan antik. Minat pemilik terhadap barang antik menjelaskan kenapa hampir setiap ruang dan sudut di kediaman ini dipenuhi barang-barang lama. Kipas yang digunakan di ruang tamu merupakan kipas antik kedai Kopitiam. Selain itu bakul nyonya yang menghiasi ruang legar di hadiahkan oleh saudara pemilik kerana mengetahui akan minatnya terhadap barangan lama.



Pasu hiasan dari Sarawak merupakan antara barangan antik yang disayangi pemilik.



Sebuah meja solek melengkapi gaya di ruang kamar utama.




Penataan di ruang kamar hanya menempatkan barangan yang praktikal.



Ruang bilik tidur utama luas dan selesa. Penataan gaya resort diaplikasi ke ruang kamar.

Kamar tidur utama dipisahkan oleh binaan jejantas. Ciri keluasan dipamerkan dalam ruang dengan seni bina siling tinggi berkonsep resort. Tingkap kayu berkonsep tradisional ditempah khas dari tukang kayu mahir dari Kelantan melengkapi gaya kediaman resort



Sebuah kerusi rehat dan set meja kayu di tempatkan di ruang balkoni untuk bersantai sambil menikmati hidangan.



Ukiran batu dari Thailand diabadikan di ruang dinding luar

Pandangan luar dari sudut balkoni. Penggunaan tingkap tradisional Kelantan pada struktur binaan kediaman nyata mengagumkan.



Berada di ruang balkoni pasti terasa keselesaan kerana dapat menikmati keindahan alam semulajadi.

Sebuah congkak hiasan ditempatkan di ruang legar kediaman.



Sudut bawah juga menempatkan ruang untuk bersantai.

Lanskap menarik diserikan dengan pepohon hijau bersesuaian dengan gaya resort.


Sambil menikmati hidangan, tetamu boleh menjamu mata dengan menikmati pemandangan luar melalui bukaan luas yang dibina selari dengan ruang ini. Bukaan ini dipasang pintu lipat kaca dan menggunakan kayu sebagai panel.

RUANG LUAS MENCETUS KESELESAAN


Dapur terbahagi kepada dua bahagian dan ia berkonsep terbuka dan selesa. Ruang makan hanya bersebelahan ruang dapur. Menariknya kerusi dan meja ditempah khas menggunakan kayu yang tahan lasak. Kemasan lantai kayu diaplikasikan di ruang makan. Sambil menikmati hidangan, tetamu boleh menjamu mata dengan menikmati pemandangan luar melalui bukaan luas yang dibina selari dengan ruang ini. Bukaan ini dipasang pintu lipat kaca dan menggunakan kayu sebagai panel. Berada di balkoni, terasa diri begitu dekat dengan alam semula jadi. Kehijauan pokok di persekitaran dan angin yang bertiup terasa menyegarkan.

Berada di atas dek yang mengunjur ke belakang, memperlihatkan keseluruhan bentuk kolam renang. Dek yang dibina menggunakan kayu ini sering digunakan untuk sekeluarga mengadakan acara barbeku.

Menuju ke tingkat atas, terdapat dua bilik, satu bilik dikhaskan untuk tetamu dan satu ruang perpustakaan berkonsep terbuka.



Pintu kayu yang sarat dengan motif ukiran dibawa oleh pemilik dari Sarawak.



Berada di balkoni, terasa diri begitu dekat dengan alam semula jadi. Kehijauan pokok di persekitaran dan angin yang bertiup terasa menyegarkan.



Ruang dek sering digunakan untuk sekeluarga mengadakan barbeku.

Kamar tidur utama dipisahkan oleh binaan jejantas. Ciri keluasan dipamerkan dalam ruang dengan seni bina siling tinggi berkonsep resort. Tingkap kayu berkonsep tradisional ditempah khas dari tukang kayu mahir dari Kelantan melengkapi gaya kediaman resort.

Pemilik kini berpuas hati kerana impian untuk mendirikan kediaman bergaya tropika Asia dapat direalisasikan sesuai dengan cita rasa dan gaya hidup pemilik sekeluarga.

□